

## **Ibn Sina dan Pembangunan Modal Insan: Analisis *Kitab al-Siyasah***

Prof Madya Dr Wan Suhaimi Wan Abdullah  
Center for Advanced Studies on Islam, Science and Civilization (CASIS),  
UTM KL  
[wansuhaimi@ic.utm.my](mailto:wansuhaimi@ic.utm.my)

### **Pendahuluan**

Pembangunan insan atau lebih popular kini dengan pembangunan modal insan adalah antara misi utama Islam. Islam mendukung penuh usaha membentuk dan membangunkan manusia berkualiti bahkan konsep kualiti itu sendiri adalah unik dalam Islam kerana ia merangkumkan kedua-dua aspek fizikal dan spiritual, dunia dan akhirat. Setiap aspek ajaran Islam, sama ada yang berkaitan akidah, fiqh mahupun tasawuf menekankan pembangunan kualiti manusia yang seimbang. Falsafah Islam, yang juga merupakan satu dari ciri keilmuan dan tamadun Islam, tidak ketinggalan dalam menyumbang dan mengemukakan pendekatan tersendiri dalam konteks pembangunan modal insan. Ini jelas apabila topik manusia dianggap sebagai satu dari cabang besar falsafah, di samping topik berkaitan Tuhan dan alam. Kesemua ahli falsafah Islam mengemukakan pandangan dan falsafah mereka tentang manusia dari pelbagai aspek dalam pelbagai karya penting mereka. Ibn Sina sebagai salah seorang failasuf agung Islam tidak ketinggalan dalam hal ini. Beliau membincangkan isu manusia dari pelbagai aspek; dari aspek psikologi sehinggalah kepada aspek kemasyarakatan dan politik. Makalah ini akan mengupas pandangan beliau tentang pembangunan dan pengurusan diri manusia yang merupakan satu dari fokus utama karya Ibn Sina *Kitab al-Siyasah*. Kupasan ini diharap dapat mencungkil sumbangan Ibn Sina dalam pembangunan insan, terutama dalam konteks melahirkan individu dan seterusnya masyarakat yang berkualiti.

### ***Kitab al-Siyasah* Karya Ibn Sina**

*Kitab al-Siyasah* karya Ibn Sina ini boleh dianggap sebagai antara karya terpendil beliau berbanding banyak karya-karya agungnya yang lain. Para sejarawan dan pengkaji Ibn Sina ramai yang tidak menyebut tentang

karyanya ini. Ini termasuk Ibn Abi Usaib`ah, Carra de Vaux dan Badawi<sup>1</sup>. Walau bagaimanapun karya ini dicatatkan oleh Haji Khalifah dalam *Kashf al-Zunun* dan ia telah diterbitkan oleh Louis Malouf pada tahun 1911 berdasarkan manuskrip yang tersimpan di Perpustakaan Leiden, Holland<sup>2</sup>.

Kitab ini memperkatakan isu pengurusan manusia. Ia membincangkan kaedah mengurus diri, pendapatan dan perbelanjaan, keluarga, anak-anak dan para pekerja di bawah jagaan. Perbincangan ini didahului oleh penjelasan penting tentang hakikat diri dan masyarakat manusia serta kesannya kepada perkembangan hidup manusia amnya<sup>3</sup>.

### **Pembangunan Modal Insan Menurut Ibn Sina Dalam Kitab *al-Siyasah***

Perkataan 'siyasah' umumnya diterjemahkan sebagai politik. Perkataan 'politik' dalam Bahasa Melayu lebih menjuruskan kepada soal pemerintahan, sama ada merujuk kepada 'ilmu (pengetahuan) berkaitan cara pemerintahan' ataupun kepada 'segala sesuatu berkaitan pemerintahan sesuatu negara atau hubungannya dengan negara lain'. Ia juga dikaitkan dengan unsur-unsur negatif seperti kelicitan dan tipu muslihat. Dari sini lahir ungkapan 'mempolitikkan' dan 'politiking' yang umumnya membawa konotasi negatif<sup>4</sup>.

Perkataan dan konotasi sebegini sememangnya berlainan dari apa yang dimaksudkan oleh Ibn Sina dalam karyanya ini. Sebaliknya, perkataan 'siyasah' dalam konteks dan fahaman umum ahli falsafah Islam merujuk kepada maksud yang lebih umum, iaitu yang berkaitan dengan 'usaha memperbaiki dan memperelokkan apa yang rosak'<sup>5</sup>. Ia lebih sesuai disebut sebagai 'tadbir' dan 'urus' yang lebih berkonotasi 'membina' dan 'membangunkan'. Ini sesuai dengan misi dan tanggungjawab manusia

---

<sup>1</sup> Lihat kenyataan Louis Malouf dalam pengantar edisi Kitab *al-Siyasah*, dalam L. Cheikho et. al., (1985), *Maqalat Falsafiyah li Mashahir Falasifah al-'Arab Muslimin wa Nasara*, Kaherah: Dar al-'Arab li al-Bustani, cet. Ketiga, h. 1 dan `Abdurrahman Badawi (1972), *Histoire de la Philosophie en Islam* (2 vols.), Paris: J. Vrin, 2: 602-607.

<sup>2</sup> Lihat tentang kenyataan para pengkaji tentang karya ini, edisi-edisi lain kitab dan para pengkaji yang mengkaji Kitab, Idris Zakaria (2000), 'Falsafah dan Sistem Pendidikan: Perbandingan Antara Plato dan Ibn Sina' dalam *Jurnal AFKAR*, bil. 1 (Jun 2000), h. 111-112.

<sup>3</sup> Bandingkan Idris Zakaria, *ibid.*, h. 112.

<sup>4</sup> Lihat kata; siyasah, siyasat I, politik, berpolitik, mempolitikkan, politicking, dalam *Kamus Dewan* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, edisi keempat 2005.

<sup>5</sup> Lihat pengantar Louis Malouf, h. 2.

sebagai 'khalifah' yang memikul amanah memakmur dan tidak melakukan kerosakan di muka bumi<sup>6</sup>.

Sesuai tamadun terhasil ekoran kemajuan manusia yang membinanya. Manusalah yang membentuk tamadun dan sesuatu tamadun dengan maksud yang sebenar tidak akan terdiri sekiranya manusia itu sendiri tidak bertamadun. Rungutan yang menyebut tentang 'fasiliti kelas pertama, namun mentaliti kelas ketiga' yang biasa diungkapkan akhir-akhir ini adalah bukti bahawa tamadun dengan maksud sebenar tidak akan terbangun dengan hanya menyediakan dan membina pembangunan fizikal semata-mata. Ia adalah pendekatan yang merugikan dan seakan menipu diri sendiri khususnya jika dikaitkan dengan masalah keperluan asas, kemiskinan dan gejala sosial yang kronik dan tidak terbendung. Dengan ini ditegaskan bahawa kandungan dan persembahan Ibn Sina dalam karyanya ini khususnya yang berkaitan dengan pentadbiran diri, keluarga dan anak-anak sememangnya amat relevan dalam memperkatakan tentang pembangunan modal insan yang akan menjadi tunggak pembangun tamadun ummah yang sebenar.

### **Beberapa fakta berkaitan tabiat dan masyarakat manusia**

Sebelum dikemukakan pandangan dan pendekatan yang disarankan dalam mentadbir dan membangunkan insan, Ibn Sina terlebih dahulu menjelaskan beberapa fakta tentang hakikat tabiat manusia. Penjelasan ini penting terutama dalam usaha memahami latarbelakang sasaran, iaitu manusia itu sendiri. Segala usaha yang dirancang dalam pembangunan manusia tidak mungkin akan berjaya, atau sekurang-kurangnya akan menimbulkan pelbagai halangan, sekiranya maklumat tentang tabiat manusia itu sendiri tidak kita fahami dengan jelas.

**Perkara pertama** yang dinyatakan oleh Ibn Sina ialah berkaitan perbezaan individu manusia dari pelbagai aspek termasuk akal, pandangan dan sikap terhadap sesuatu, pemilikan, kedudukan dan status. Kepelbagaian ini menurut beliau adalah suatu rahmat dari Allah SWT kerana jika manusia semuanya dijadikan sama dari pelbagai aspek ia akan mengundang sikap

---

<sup>6</sup> Lihat maksud al-Qur'an berkaitan amanah khilafah *al-Baqarah*, 2: 30 dan larangan melakukan sebarang kerosakan di muka bumi *al-Baqarah*, 2: 11, *al-A`raf*, 7: 56 dan *al-Ra`d*, 13: 25.

saling persaingan antara mereka dan ini dilihat sebagai pendorong kepada suatu fenomena hasad dengki, bermusuhan dan zalim-menzalimi sesama sendiri<sup>7</sup>.

Kenyataan ini mengingatkan kita dengan ayat *Surah al-Hujurat* (49: 13) yang menegaskan tentang kepelbagaian masyarakat manusia yang dijadikan Allah SWT untuk tujuan saling kenal mengenali dan bantu membantu di antara satu dengan yang lain<sup>8</sup>. Ia adalah suatu kepelbagaian yang tidak mungkin disatukan walaupun ia tidak semestinya membawa kepada pertelagahan dan perpecahan. Ia adalah kepelbagaian yang menuntut suatu sikap hormat menghormati di antara satu dengan yang lain dan mengiktiraf persamaan dan perbezaan yang ada. Hakikat ini juga dapat dikaitkan dengan hadis Nabi s.a.w. yang menegaskan bahawa 'ikhtilaf ummah itu rahmah' kerana perbezaan yang sedia wujud di kalangan manusia ini jika ditangani dengan bijaksana akan membawa kepada suatu suasana harmoni yang sihat.

Ibn Sina menggambarkan suatu realiti masyarakat manusia yang agak ideal ketika memperjelaskan fenomena kepelbagaian manusia di atas. Ia dilihat sebagai agak ideal kerana apa yang ada dalam realiti masyarakat kini amat berbeza dengan apa yang sepatutnya. Kalau semua orang adalah raja, tegas beliau, pasti akan berlaku persaingan kuasa; kalau semuanya rakyat pasti akan binasa (disebabkan tiada pemimpin yang memimpin mereka); kalau semuanya kaya maka tidak akan ada orang yang hendak bekerja untuk orang lain dan tidak akan ada orang yang akan menghulurkan bantuan kepada orang lain; dan akhirnya jika semua orang miskin pasti mereka akan sengsara tanpa bantuan. Keadaan sebegini, tegas Ibn Sina, boleh membangkitkan perasaan hasad dengki di kalangan manusia khususnya kerana menurut beliau, sifat hasad dan bermegah-megah itu merupakan antara potensi semulajadi manusia. Oleh itu, kepelbagaian yang wujud dalam

---

<sup>7</sup> Ibn Sina, 'Kitab al-Siyasah', ed. L. Malouf, dalam L. Cheikho et. al., (1985), *Maqalat Falsafiyah li Mashahir Falasifah al-'Arab Muslimin wa Nasara*, Kaherah: Dar al-'Arab li al-Bustani, cet. Ketiga, h. 3.

<sup>8</sup> Ayat ini menyebut: "Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah SWT adalah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah SWT Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal".

masyarakat manusia itu dilihat sebagai asas kemakmuran dan keberkekalan umat manusia<sup>9</sup>.

Fenomena dan implikasi di atas ada kebenarannya kerana biasanya potensi-potensi negatif dalam diri manusia ini akan lahir jika ada pendorong yang mengaktifkannya. Orang yang berkuasa dan berharta biasanya tidak berpada dengan apa yang dimilikinya dan akan berlumba di kalangan mereka untuk mengatasi yang lain, manakala orang yang lemah dan miskin akan bertelagah di antara mereka demi memastikan keberterusan hidupnya. Kaya, kuasa dan kemiskinan dilihat sebagai pendorong yang akan mengaktifkan potensi manusia di atas dan kalau ini yang berlaku kesannya pastilah pertelingkahan yang memanjang. Namun perlu juga ditegaskan bahawa kalau persamaan status di kalangan manusia boleh mengundang kebinasaan hasil persaingan di atas, perbezaan yang tidak harmoni juga boleh melahirkan situasi yang sama bahkan mungkin lebih parah. Bayangkan jika sesuatu masyarakat mempunyai orang kaya atau orang yang berkuasa yang memeras dan menekan orang bawahannya, atau orang miskin dan lemah yang mempunyai sikap benci dan memusuhi golongan hartawan dan mereka yang berkuasa. Ini juga akan melahirkan suasana kekalutan yang kritikal kerana setiap mereka ini juga memiliki potensi negatif yang sama.

Seterusnya suatu yang ideal yang digambarkan oleh Ibn Sina dalam menghuraikan bagaimana kepelbagaian manusia boleh membawa keharmonian ialah dengan membayangkan bahawa setiap golongan masyarakat memahami dan mengiktiraf kekurangan diri dan kelebihan orang lain. Golongan hartawan yang tidak berilmu menyedari akan kekurangan mereka dari aspek ilmu pengetahuan dan dengan itu menghormati golongan miskin yang berilmu. Manakala golongan miskin yang berilmu pula menyedari bahawa ilmu dan adab yang dimilikinya adalah lebih mulia dari sekadar harta dan dengan itu dia tidak akan cemburu dengan harta golongan kaya. Begitu juga di antara ilmuwan dan penguasa dan sebaliknya. Kesedaran kedua-dua belah pihak dan komitmen di antara mereka terhadap kesedaran ini pastinya akan melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni dan saling melengkapi

---

<sup>9</sup> Lihat Ibn Sina, *Kitab al-Siyasah*, h. 3.

antara satu dengan yang lain. Kesemua ini dilihat oleh Ibn Sina sebagai tanda-tanda hikmah dan rahmat Allah SWT<sup>10</sup>.

Ini semua boleh berlaku dan pernah berlaku dalam sejarah kemanusiaan manusia. Apa yang menyedihkan, dalam konteks dunia kebendaan kini, sukar hendak ditemui hal sebegini, bahkan ia mungkin dianggap terlalu ideal. Berapa ramai sekarang ini para pemimpin yang menghormati dan menyanjungi ilmuwan? Berapa ramai pula para hartawan yang menyokong dan menyumbang dalam kerja-kerja ilmiah? Bahkan ramaikah lagi ilmuwan kini yang ikhlas dengan ilmu dan tidak memandang pangkat dan harta dalam aktiviti ilmiah mereka?

**Perkara kedua** yang ditegaskan oleh Ibn Sina ialah tentang peripenting urusan mentadbir atau siyasah ini bagi segenap anggota masyarakat; bermula dari seorang raja yang memerintah sehinggalah kepada rakyat biasa. Beliau turut menegaskan bahawa tahap kualiti pentadbiran yang sama diperlukan atau sepatutnya dimiliki oleh setiap 'pentadbir' di atas walaupun mungkin dari aspek kuantiti dan fokus pentadbiran mereka berbeza. Persamaan yang ditegaskan di sini, jelas Ibn Sina, bukan bermaksud menyamakan mereka semua dari aspek kedudukan (*al-maratib*), masalah atau implikasi (*al-akhtar*) dan keupayaan (*al-aqdar*), namun ia merujuk kepada persamaan tabiat manusia itu sendiri kerana walau apapun status dan kedudukan manusia dalam masyarakat, potensi diri dan keperluan asas mereka adalah hampir sama. Ini termasuk aspek sikap, akhlak dan keperluan nafsu dan jasad<sup>11</sup>.

Secara dasarnya kenyataan bahawa setiap individu manusia memikul tanggungjawab mentadbir adalah suatu yang umum difahami dalam Islam kerana setiap individu umat Islam adalah khalifah yang

---

<sup>10</sup> *Ibid*, h. 3.  
<sup>11</sup> *Ibid*, h. 4.

dipertanggungjawabkan<sup>12</sup>. Namun untuk menegaskan bahwa setiap individu tersebut perlu mempunyai atau mengusahakan kualiti pengurusan yang sama adalah suatu yang agak ideal. Apa yang lebih realistik, sebagaimana yang cuba diterangkan oleh Ibn Sina sendiri, ialah dari aspek pengurusan diri setiap individu ke atas dirinya sendiri dan bukan yang melibatkan pengurusan diri orang lain. Dalam konteks ini, memandangkan tabiat manusia umumnya adalah hampir sama dari segi sikap dan potensi diri khususnya yang melibatkan kecenderungan hawa nafsu, maka setiap individu manusia terpaksa menempuh cabaran yang sama dalam menghadapi dirinya sendiri, tidak kira sama ada mereka terdiri daripada kalangan pemerintah mahupun seorang individu biasa yang tidak terbabit dengan pengurusan selain dirinya. Oleh yang demikian, dia mestilah serius dalam mengendalikan kecenderungan diri dan nafsunya agar terkawal dan dengan itu tidak memberi impak yang negatif ke atas aktiviti pentadbirannya yang lain. Ini menggambarkan bahawa Ibn Sina mengimpikan agar setiap individu Muslim,

---

<sup>12</sup> Lihat tentang tanggungjawab khilafah umat Islam ini misalnya dalam Surah *al-Baqarah*, (2: 30) yang menyebut: 'Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya" dan tentang larangan melakukan kerosakan di muka bumi dalam Surah *al-Baqarah*, (2: 11-12): 'Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi", mereka menjawab: "Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan". Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenar-benarnya membuat bencana dan kerosakan, tetapi mereka tidak menyedarinya' dan Surah *al-A`raf*, (7: 56): 'Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoa kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya'. Dalam sebuah hadis Nabi s.a.w. ada menegaskan agar setiap individu umat Islam bertanggungjawab ke atas setiap mereka yang di bawah naungan dan tadbirannya. Hadis tersebut menyebut: 'Semua kamu adalah pemerintah (*al-ra`i*) dan setiap daripada kamu bertanggungjawab ke atas mereka yang di bawah jagaannya; seorang raja adalah pentadbir ke atas rakyatnya dan dia bertanggungjawab ke atas mereka, seorang lelaki adalah pentadbir ke atas ahli keluarganya dan dia bertanggungjawab ke atas mereka, seorang perempuan adalah pentadbir ke atas hal ehwal rumahtangga serta anak-anaknya dan dia bertanggungjawab ke atas mereka, seorang hamba adalah pentadbir ke atas harta tuannya dan dia bertanggungjawab ke atasnya, sesungguhnya setiap daripada kamu adalah pentadbir dan kamu semua bertanggungjawab di atas hal ehwal tadbiran kamu', lihat hadis riwayat al-Bukhari dalam Ibn Hajar al-`Asqalani (1959), *Fath al-Bari bi sharh al-Bukhari*, Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi, Kitab al-`Itq: Bab karahiyyat al-tatawala `ala al-raqiq, jilid 6: h. 106.

sebagai seorang individu, menjadi seorang yang baik dan cemerlang sebelum ia baik dan cemerlang dalam kerja dan aktiviti yang melibatkan pihak lain.

### **Siyasah dan pengurusan diri manusia**

Ibn Sina dalam *Kitab al-Siyasah* memperkatakan konsep pengurusan manusia yang menyeluruh merangkumi pengurusan diri, pendapatan dan belanjawan, keluarga, anak dan pekerja di bawah jagaan. Walau bagaimanapun, makalah ini hanya akan memfokuskan kepada perbincangan berkaitan pengurusan atau siyasah diri sahaja.

Ibn Sina menggariskan beberapa strategi penting yang perlu di ambil perhatian apabila mentadbir diri. Beliau menegaskan bahawa di antara pelbagai sasaran pengurusan yang diperkatakan dalam karyanya ini, mentadbir diri adalah yang paling patut didahulukan dalam rangka membangun manusia dan masyarakat. Alasan beliau adalah kerana diri manusia merupakan sasaran yang paling mulia dan paling dekat dengan setiap individu. Oleh itu ia sepatutnya diberi keutamaan. Bahkan Ibn Sina menegaskan bahawa seseorang yang baik pentadbiran dan pengurusan dirinya akan lebih berupaya mentadbir dan mengurus individu dan hal-hal lain dengan baik juga<sup>13</sup>.

Pendekatan ini mengingatkan kita dengan ayat *Surah al-Tahrim*, (66:6) yang bermaksud:

Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, yang keras, yang tidak mendurhakai Allah SWT terhadap apa yang diperintahkanNya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.

Pada dasarnya setiap individu umat Islam bertanggungjawab di atas apa yang dilakukannya<sup>14</sup>. Dia juga bertanggungjawab memilih dan mengikhtiarkan

---

<sup>13</sup> Lihat Ibn Sina, *Kitab al-Siyasah*, h. 6.

<sup>14</sup> Hal ini menjadikan setiap individu Muslim bertanggungjawab penuh ke atas dirinya. Selain syafaat Nabi Muhammad s.a.w. tiada penyelamat yang mampu menolong mereka di mahkamah Allah SWT nanti. Ini pastinya berbeza dengan ajaran agama seperti agama Kristian yang memungkinkan kononnya dosa umatnya ditanggung oleh Jesus yang akan menyelamatkan mereka.



jalan yang dia sukai dalam mengurus diri dan hidupnya<sup>15</sup>. Dalam ayat di atas, tegasan agar menjauhkan dan menyelamatkan diri dari api neraka atau segala kecelakaan ditujukan kepada diri dan kemudiannya kepada keluarga. Ini bermakna setiap individu perlu memulakan dengan dirinya terlebih dahulu sebelum berusaha mengubah orang lain.

Dari sini, sekiranya diandaikan bahawa setiap individu umat Islam bertindak mentadbir dirinya dengan bersungguh-sungguh dan berjaya memastikan diri mereka jauh dari sebarang aktiviti yang boleh membawa mereka ke neraka, kemudian apabila mereka berpaling untuk tugas kedua iaitu menyelamatkan anggota keluarganya yang lain, mereka akan dapati bahawa setiap anggota keluarganya tadi sudahpun terkawal dari jalan kehancuran kerana mereka juga telahpun memulakan tugas mentadbir diri masing-masing ekoran tegasan ayat di atas.

Ini adalah antara kesan dan hasil penghayatan ayat ini yang boleh direnungkan. Apapun maksud nasihat Ibn Sina di atas, dan sama ada ianya berlandaskan pengertian ayat al-Qur'an ini ataupun tidak, apa yang penting fokus kepada pembangunan individu memang sepatutnya tidak diabaikan bahkan perlu diusahakan dengan serius dalam usaha kita membangun modal insan yang berkualiti yang seterusnya akan menjana kemajuan tamadun yang dihormati.

Ini adalah strategi umum yang disarankan oleh Ibn Sina dalam menggariskan gerak kerja islah insan. Strategi seterusnya ialah mengenalpasti hakikat pengislah dalam diri manusia. Ibn Sina menegaskan bahawa sesiapa yang benar-benar ingin membangunkan dirinya perlu sedar dan faham bahawa di dalam dirinya ada dua faktor penting dan berpengaruh iaitu akal dan nafsu. Dalam konteks perbincangan di sini, Ibn Sina menegaskan bahawa seseorang pengislah perlu memastikan bahawa akalnya yang memimpin dan diberi tanggungjawab menerajui tugas pengislahan ini. Jangan sekali-kali dibiarkan nafsu mengatasi akal<sup>16</sup>.

---

<sup>15</sup> Islam menolak fahaman Jabariyyah yang meletakkan Allah SWT sebagai yang berkuasa penuh ke atas tindak tanduk manusia. Ia juga tidak bermakna manusia mampu menghasilkan kuasanya secara mutlak sebagaimana pandangan Qadariyyah. Firman Allah SWT dalam *Surah al-Balad*, (90: 10), bermaksud: 'Dan Kami menunjukkan kepadanya dua jalan'.

<sup>16</sup> Lihat Ibn Sina, *Kitab al-Siyasah*, h. 6.

Akal dalam Islam mempunyai kedudukan yang amat penting. Selain ianya dijadikan sebagai asas taklif, ia juga adalah pelengkap kepada syarak. Akal yang berpandukan syarak pasti mampu bertindak sebagai cahaya penerang ke arah kejayaan dunia dan akhirat. Imam al-Ghazali pernah mengatakan dalam karyanya *Mishkat al-Anwar* bahawa akal itu adalah satu aspek dari cahaya Allah SWT pada manusia<sup>17</sup>. Sebaliknya nafsu adalah punca segala kerosakan sehinggakan pernah diungkapkan bahawa jihad yang paling besar adalah jihad melawan nafsu. Oleh yang demikian, manusia hanya ada dua pilihan; sama ada membiarkan nafsunya bermaharajalela ataupun berusaha menjana keupayaan akal dan memastikan ia dipimpin oleh syarak dan memimpin nafsu ke arah keredaan Allah SWT.

Strategi ketiga ialah menyelidiki dan mengenalpasti kesemua fasad dalam diri manusia atau diri orang yang ingin melakukan pengislahan. Ibn Sina menekankan kuantiti 'semua' di sini kerana menurut beliau sebarang unsur fasad yang tertinggal atau ditinggalkan akan kembali merebak dan membawa masalah dikemudian hari. Ia diumpamakan sebagai luka yang belum sembuh sepenuhnya, jika dibiarkan tanpa rawatan yang sepatutnya boleh kembali merebak dan serius<sup>18</sup>.

Hal ini mungkin menjelaskan kenapa usaha-usaha tertentu yang dijalankan oleh manusia sama ada di peringkat individu mahupun di peringkat masyarakat tidak mencapai kejayaan sepenuhnya dalam membasmi unsur-unsur negatif dalam diri atau masyarakat. Kegagalan mengenalpasti asas kefasadan diri dan masyarakat amat besar implikasinya di sini. Kegagalan ini pelbagai sifatnya; ia mungkin disebabkan oleh penyelidikan yang tidak menyeluruh tentang masalah yang dihadapi dan tidak mustahil juga disebabkan oleh kekeliruan dalam memilih kerangka umum dalam mengenalpasti asas-asas tersebut. Kesemua ini pastinya akan mempengaruhi ketepatan kefahaman dan hukuman kita ke atas sesuatu asas.

Dalam memperjelaskan tentang ketepatan menilai asas-asas masalah ini Ibn Sina menambah bahawa penilaian manusia ke atas dirinya sendiri

---

<sup>17</sup> Dinukilkan dari Mahmud Hamdi Zaqqouq (1989), *Dawr al-Islam fi Tatawwur al-Fikr al-Falsafi*, Kaheerah: Dar al-Manar, h. 12.

<sup>18</sup> Lihat Ibn Sina, *Kitab al-Siyasah*, h. 6.

umumnya tidak akan objektif dan lengkap kerana manusia menurut beliau cenderung kepada mempermudah dan tidak serius dalam menilai diri khususnya jika ia melibatkan keaiban diri sendiri. Ini menurut beliau lagi kerana akal manusia sememangnya tidak terlepas dari hawa nafsu yang sememangnya cenderung mengabaikan aspek negatif dalam diri sendiri. Jadi, oleh kerana perkara ini kritikal dalam usaha mengenalpasti aspek kefasadan yang ingin diubah, maka Ibn Sina menyarankan seseorang itu memilih kawan yang baik dan ikhlas yang akan membantu dia menilai dirinya dengan lebih objektif dan membina. Kawan sebegini adalah seumpama cermin yang akan memperlihatkan siapa diri kita sebenarnya, sama ada baik atau buruk<sup>19</sup>.

Aspek ini boleh dianggap strategi keempat yang digariskan oleh Ibn Sina. Aspek ini juga tidak asing dalam konteks ajaran Islam. Banyak gesaan dalam Islam yang menekankan agar umat Islam memilih kawan yang baik. Dalam sebuah hadis digambarkan bagaimana hubungan seseorang Mukmin dengan saudara Mukminnya yang sebenar adalah seumpama sebuah bangunan yang mana setiap bahagiannya saling menyokong bahagian yang lain. Setiap kawan mampu mempengaruhi atau sekurang-kurangnya memberi kesan ke atas kawannya. Mendampingi kawan yang baik adalah seumpama mendampingi seorang penjual wangian kerana dia sekurang-kurangnya dapat menghidu wangiannya yang harum manakala mendampingi kawan yang tidak baik adalah seumpama menghampiri kawasan atau alat pertukangan besi kerana ia sekurang-kurangnya akan merasai bahang kehangatan haba api dari kawasan atau alat pertukangannya<sup>20</sup>. Dalam hadis lain pula disebut bahawa: 'Seseorang itu adalah bersama mereka yang disukainya'<sup>21</sup>. Begitu

---

<sup>19</sup> *Ibid*, h. 7.

<sup>20</sup> Lihat hadis berkenaan dalam Ibn Hanbal (1993), *Musnad*, diterbitkan di bawah seliaan Dr. Samir Taha al-Majdhub, cet. Pertama (8 jilid), Beirut: al-Maktab al-Islami, j. 4: h. 545, hadis no. 19571.

<sup>21</sup> *Ibid*. j. 4: h. 530 (Hadis no. 19442); h. 533 (Hadis no. 19472); h. 534 (Hadis no. 19479) dan h. 537 (Hadis no.19501).

juga Islam menegaskan bahawa agama itu adalah nasihat<sup>22</sup> dan nasihat menasihati itu adalah suatu tuntutan dalam Islam<sup>23</sup>.

Demikian beberapa strategi dasar yang disarankan oleh Ibn Sina untuk direnungi dalam proses pembinaan insan, khususnya dalam konteks individu. Kesemua strategi ini adalah tidak asing bagi mereka yang memahami ajaran dan saranan Islam dalam kerja-kerja pengislahan. Walaupun Ibn Sina tidak merujuk atau menyebut secara langsung sumber-sumber dan fakta-fakta Islam di atas, namun ini sememangnya tidak bermakna beliau jahil tentang hal tersebut. Huraian yang dikemukakan oleh beliau di atas cukup menampakkan bahawa apa yang diketengahkan Ibn Sina ini adalah selaras dengan apa yang disarankan oleh Islam.

Tambahan lagi jika diteliti baki teks yang memperkatakan tentang siyasah diri dalam kitab ini, kita akan nampak dengan jelas kesinambungan ajaran Islam dalam pemikiran Ibn Sina. Ini dapat dilihat misalnya dalam isu adab memberi nasihat yang menekankan aspek hikmah dan *maw'izah hasanah*, iaitu pendekatan nasihat yang baik dengan mengambilkira aspek penggunaan bahasa komunikasi yang lembut serta pemilihan keadaan dan masa yang sesuai<sup>24</sup> yang pastinya selaras dengan gesaan Surah *al-Nahl*, (16: 125) yang menyebut:

Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk

Suatu yang tidak kurang menarik yang diperkatakan oleh Ibn Sina di sini ialah tentang isu pengaruh 'kaki bodek' dalam masyarakat. Beliau

---

<sup>22</sup> Dalam sebuah hadis Rasulullah menyebut: 'Sesungguhnya agama itu nasihat' sebanyak tiga kali. Para sahabat bertanya: 'Bagi siap wahai Rasulullah?', baginda menjawab: 'Bagi Allah, KitabNya, RasulNya dan imam-imam orang Mukmin dan umat Islam amnya', lihat Abu Dawud Sulayman al-Sijistani (1996), *Sunan Abi Dawud*, ed. Muhammad `Abd al-`Aziz al-Khalidi, cet. Pertama (3 jilid), Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, Kitab al-Adab, bab fi al-nasihah, j. 3: h. 291.

<sup>23</sup> Ini merujuk misalnya sepotong ayat al-Quran yang menegaskan: 'Dan tetap tekunlah engkau memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu mendatangkan faedah kepada orang-orang yang beriman', (*al-Dhariyat*, 51: 50).

<sup>24</sup> *Ibid*, h. 8.

menegaskan bahawa di kalangan individu manusia, kalangan para pemimpin adalah kalangan yang paling patut bersikap teliti dalam memilih kawan berbanding dengan orang biasa. Ini antara lain kerana mereka yang di sekeliling seseorang pemimpin jarang bersikap objektif dan ikhlas dalam menasihatinya. Ini disebabkan oleh sama ada faktor pemimpin itu sendiri atau faktor mereka yang disekelilingnya. Seseorang pemimpin akan lebih bersikap ingin menjaga kredibiliti dan reputasinya, oleh itu amat kurang pemimpin yang bersedia menerima teguran terutama teguran pahit. Manakala faktor mereka yang disekeliling pemimpin pula, mereka juga jarang berani dan tegas dalam menasihati pemimpin kerana dorongan menjaga kedudukan dan kepentingan tertentu di sisi pemimpin tersebut<sup>25</sup>. Hal sebegini jarang berlaku pada individu biasa kerana mereka lebih terdedah kepada teguran dan kritikan, sama ada oleh kawan yang ikhlas menegur atau oleh lawan yang memang berniat menjatuhkan maruah<sup>26</sup>.

Fenomena ini memang relevan dengan masa kini, bahkan mungkin selamanya. Isu 'pilih bulu' dan 'double-standard' dalam menilai seseorang memang berleluasa yang akhirnya menjejaskan objektiviti sesuatu penilaian dan hukuman. Fenomena ini perlu diberi perhatian serius jika benar-benar ingin melihat usaha pembinaan insan berjaya.

Di samping strategi-strategi asas di atas, Ibn Sina ada mengemukakan seakan petua yang menarik dan amat relevan dengan usaha siyasah diri ini. Petua pertama berupa neraca yang boleh dijadikan sandaran dalam memperbaiki diri. Ibn Sina menegaskan bahawa kita perlu mengambil iktibar dari apa yang berlaku di sekitar kita. Sikap dan akhlak manusia banyak persamaannya antara satu dengan yang lain. Setiap individu manusia mempunyai potensi untuk melakukan apa yang orang lain lakukan. Oleh itu kita perlu memerhati apa yang berlaku dan dilakukan oleh orang lain. Sekiranya perlakuan itu baik maka cubalah semaikan dan usahakannya untuk diri sendiri. Namun jika ianya buruk maka berhati-hatilah kerana dia mungkin berkecenderungan untuk melakukan hal yang sama. Jika kecenderungan itu zahir maka berusahalah melawannya agar tidak terjelma dalam bentuk

---

<sup>25</sup> *Ibid*, h. 7-8.

<sup>26</sup> *Ibid*, h. 7.

perlakuan dan jika kecenderungan tidak terzhahir maka beringat-ingatlah agar ia terus terkawal<sup>27</sup>.

Petua kedua pula berupa suatu bentuk motivasi diri. Beliau mencadangkan dianjurkan suatu bentuk insentif kepada diri. Jika seseorang itu berjaya mengawal dirinya dari suatu keburukan, raikanlah dirinya dengan suatu bentuk keraian yang dapat mengembirakannya sebagai suatu insentif terhadap kejayaannya. Sebaliknya jika dia gagal mengawal dirinya, hukumlah dirinya dengan hukuman yang memberi peringatan di atas kegagalannya itu. Ini semua demi menggalakkan diri seseorang itu berusaha ke arah kebaikan dan menjauhi keburukan<sup>28</sup>.

### **Kesimpulan**

Pembangunan modal insan bukan suatu usaha yang remeh dan boleh diambil mudah. Ia bukan sebagaimana pembangunan material yang boleh dijangka secara jelas perkembangan dan kejayaannya. Ia berkait rapat dengan pelbagai aspek termasuk yang paling asas mengetahui hakikat manusia yang merupakan sasaran pengislahan. Tabiat manusia dari pelbagai aspek perlu diambil kira dalam perancangan pembangunannya. Kegagalan mengenalpasti secara menyeluruh fakta-fakta dasar tabiat manusia akan menggugat kejayaan pembinaan dan pembangunannya. Begitu juga dari aspek kesungguhan dan keberterusan projek pembinaan manusia, ia perlu dipantau kerana usaha membina manusia adalah usaha berterusan dan tidak boleh dihadkan titik akhirnya. Ini kerana manusia memiliki dua unsur yang bertentangan iaitu akal dan nafsu yang sering berusaha menguasai antara satu dengan yang lain. Penguasaan akal ke atas nafsu membuahkan pembinaan insan yang berkualiti manakala sebaliknya penguasaan nafsu ke atas akal akan hanya membawa keruntuhan dan kehancuran kepada manusia. Kesemua fakta-fakta ini dijelaskan oleh Ibn Sina dalam perbincangannya tentang siyasah diri manusia dalam *Kitab al-Siyasah*. Hakikat tabiat manusia yang dihuraikan, strategi pengislahan yang disarankan dan petua atau 'tip' yang dikemukakan cukup membantu jika dihayati dan

---

<sup>27</sup> *Ibid*, h. 9.

<sup>28</sup> *Ibid*, h. 9.

dusahakan dengan serius dan berterusan. Ini adalah suatu sumbangan yang praktikal yang ditinggalkan Ibn Sina untuk umat manusia.